

Pas sengaja berhelah elak pertemuan

BH 21 MAR 2001

KUALA LUMPUR Selasa – Pas sengaja menggunakan pelbagai helah untuk mengelak daripada mengadakan pertemuan dengan Umno bagi membincangkan perpaduan Melayu kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

Presiden Umno berkata jika Pas benar benar mahu mengadakan perbincangan itu parti pembangkang itu tidak sepatutnya menetapkan pelbagai syarat sebe-

lum bersetuju mengadakan pertemuan

Beliau yang menemui Presiden Pas Datuk Fadzil Noor di Parlimen semalam menjelaskan pertemuan antara Pas dengan Umno boleh diadakan di mana saja dan ia tidak memerlukan masa yang lama

Semalam saja jumpa dia (Fadzil) di Parlimen dan bersalam dengan dia Saya ajak dia berbincang tapi dia tak nak Bukan nak ada

banyak cuma empat perkara yang ada dalam Perlembagaan

Berkenaan perkara ini kita anggap ia tanggungjawab semua orang Melayu bukannya tanggungjawab Pas Umno dan Kea dilan Ini adalah peruntukan dalam Perlembagaan yang menjamin kedudukan orang Melayu Patutlah kita pertahan kalau ada sesiapapun nak cabar ini nak buang peruntukan ini

Itu saja nak cakap pasal itu saya ingat lima minit selesai no problem katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar mengenai kewibawaan perniagaan di Hotel Nikko di sini hari ini

Beliau diminta mengulas kelewatan dalam mengadakan perbincangan itu dan tuntutan Pas agar Umno memenuhi dulu tiga syaratnya sebelum perbincangan itu dapat diadakan

Pas bersetuju meneruskan pertemuan peringkat jawatankuasa teknikal ke dua dua parti pada 27 Mac ini tetapi mahu Umno memenuhi tiga syarat ia itu mengembalikan royalti minyak kepada Kerajaan Terengganu membenarkan penerbitan dua kali seminggu akhbar rasmi parti itu *Harakah* dan menolak cadangan menggugurkan perkataan Islam daripada nama pertubuhan

termasuk parti politik

Perdana Menteri percaya satu daripada sebab kenapa Pas cuba mengelak perbincangan itu ialah tanggapan kononnya mereka mendapat sokongan kebanyakan pengundi Melayu

Beliau berkata langkah Pas seterusnya ialah cuba mendapatkan sokongan

LIHAT MUKA 4

Pas cuba gambarkan Umno anti-Cina

DARI MUKA 1

pengundi Cina dan bagi mencapai matlamat itu mereka cuba menggambarkan Umno sebagai anti Cina

Itulah sebabnya Pas mahu berbincang mengenai perpaduan nasional dan kita mahu berbincang mengenai perpaduan Melayu Pas mahu membincangkan soal perpaduan nasional untuk menunjukkan kononnya ia mengambil berat kaum lain

Malah mereka sebut dalam Internet bahawa jika Umno mahu bunuh Cina mereka akan pertahankan Cina Bila pula Umno bercakap untuk bunuh Cina

Tetapi mereka berikan gambaran dalam Internet dan *Harakah* seolah olah kita mahu bunuh Cina sekarang mereka sudah padamkannya daripada Internet tetapi kita telah buat sahannya katanya

Dr Mahathir berkata berbanding Pas Umno telah lama bekerjasama dengan orang Cina sehingga ia dianggap sebagai kafir

Bagaimanapun katanya Umno masih sanggup menunggu selama manapun untuk berbincang dengan Pas

Dalam kes tertentu kita lupakan parti kita utama kepentingan bersama kepentingan Melayu pertahankan apa yang terkandung dalam perlembagaan katanya

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan Umno berpendirian terbuka mengenai perkara itu kerana perbincangan berkenaan penting untuk perpaduan

Saya tak suka nak kata tetapi pada dasarnya saya berpendapat ini akan dijadikan satu lagi alasan oleh Pas untuk me-

ngelak daripada berjumpa dengan kita

Pada dasarnya saya fikir Pas tidak mahu berjumpa kita untuk berbincang katanya

Beliau menjelaskan empat perkara yang terkandung dalam Perlembagaan dan mahu dibincangkan oleh Umno itu adalah tanggungjawab semua orang Melayu dan tidak terhad kepada Pas Umno atau Parti Keadilan Nasional saja

Perdana Menteri turut ditanya mengenai kenyataan Fadzil bahawa hubungan Pas Umno yang kian pulih sejak jawatankuasa teknikal itu bertemu akan terjejas jika Umno membenarkan Majlis Fatwa Kebangsaan meneruskan usaha menggugurkan perkataan Islam pada pertubuhan politik

Itu sudah dijangkakan (kera-

na) mereka adalah pembangkang Tetapi fikirilah dalam masyarakat Islam hari ini orang terkeliru Pas mendakwa Pas adalah Islam Islam adalah Pas (ini) bertentangan dengan ajaran Islam katanya

Dr Mahathir berkata kerana Pas menggunakan perkataan Islam orang menganggap ia betul

Jika saya mengundi Pas saya masuk syurga Itulah dakwaan mereka Kenapa? Kerana mereka ada perkataan Islam dalam parti mereka Orang kini keliru mengenai apa itu agama Islam katanya

Kenyataan Fadzil itu dibuat berikutan laporan bahawa majlis itu mengemukakan cadangan kepada Majlis Raja Raja mengenai penggunaan perkataan Islam oleh parti politik dan pertubuhan lain di negara ini